



The Sarawak Museum Journal

Vol. LIV No. 75

December 1999



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Melinda Lipeh dan Nurizan Yahaya. (1999). Perubahan Sistem Berumah Panjang Kaum Iban di Jalan Punda, Simunjan, Sarawak. The Sarawak Museum Journal, LIV (75): 79-91

PERUBAHAN SISTEM BERUMAH PANJANG KAUM IBAN DI JALAN PUNDA, SIMUNJAN, SARAWAK

Melinda Lipeh dan Nurizan Yahaya

Rumah panjang menyediakan ruang tempat tinggal di bawah satu bumbung merupakan sistem perumahan yang menampilkan keunikan petempatan manusia di kalangan masyarakat tradisional Sarawak (Kelbling, 1983). Tujuan rumah panjang ini direkabentuk sedemikian rupa adalah untuk membolehkan isi rumah berkongsi makanan, merayakan upacara keramaian dan yang paling penting ialah untuk keselamatan ketika zaman pemburuan kepala dan peperangan kaum amat berleluasa ketika itu (Empiang, 1980). Bagi masyarakat Iban, rumah panjang adalah salah satu aspek penting dalam sejarah awal kedatangan kaum ini ke Sarawak pada pertengahan kurun ke enam belas. Sesebuah rumah panjang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali Ketua Rumah atau Tuai Rumah. Biasanya sesebuah rumah panjang itu didiami oleh sepuluh ataupun lebih buah keluarga dan setiap keluarga mempunyai bilik masing-masing. Di kalangan penghuni di rumah panjang tersebut mempunyai ikatan tali persaudaraan yang rapat (Joshua, 1988).

PERUBAHAN SISTEM BERUMAH PANJANG KAUM IBAN DI JALAN PUNDA, SIMUNJAN, SARAWAK

oleh

Melinda Lipeh
dan
Nurizan Yahaya

Rumah panjang menyediakan ruang tempat tinggal di bawah satu bumbung merupakan sistem perumahan yang menampilkan keunikan petempatan manusia di kalangan masyarakat tradisional Sarawak (Kelbling, 1983). Tujuan rumah panjang ini direkabentuk sedemikian rupa adalah untuk membolehkan isirumah berkongsi makanan, merayakan upacara keramaian dan yang paling penting ialah untuk keselamatan ketika zaman pemburuan kepala dan peperangan kaum amat berleluasa ketika itu (Empiang, 1980). Bagi masyarakat Iban, rumah panjang adalah salah satu aspek penting dalam sejarah awal kedatangan kaum ini ke Sarawak pada pertengahan kurun ke enam belas. Sesebuah rumah panjang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali Ketua Rumah atau Tuai Rumah. Biasanya sesebuah rumah panjang itu didiami oleh sepuluh ataupun lebih buah keluarga dan setiap keluarga mempunyai bilik masing-masing. Di kalangan penghuni di rumah panjang tersebut mempunyai ikatan tali persaudaraan yang rapat (Joshua, 1988).

Pada asalnya rumah panjang kaum Iban diperbuat daripada kayu, tetapi kini terdapat juga rumah panjang moden yang sudah menggunakan bahan-bahan konkrit dan batu-bata. Rumah panjang biasanya mempunyai empat bahagian utama iaitu ruai, bilik, tanju dan sadau. Ruai merangkumi hampir separuh daripada rumah panjang. Bagi masyarakat Iban tradisi, ruang bagi kawasan ruai ini lebih dikuasai oleh kaum lelaki sebagai tempat tidur dan melakukan kerja-kerja orang lelaki. Tetapi pada masa kini, penggunaannya lebih tertumpu sebagai tempat mesyuarat umum dan upacara-upacara keraian khasnya sewaktu menyambut kedatangan tetamu. Setiap bilik/unit bagi setiap keluarga mempunyai ruainya sendiri dengan menggunakan tiang bumbung sebagai sempadan. Manakala ruai bagi bilik Tuai Rumah adalah sebagai tempat bermesyuarat dan perbincangan.

Bilik yang bersambung terus dengan ruang dapur adalah ruang yang dimiliki oleh setiap unit keluarga. Ruang bilik ini pula lebih dikaitkan dengan kaum wanita. Oleh yang demikian, pelawat lelaki tidak digalakkan masuk ke

mana-mana bilik di rumah panjang sesuka hati kecuali dengan pelawaan atau kebenaran ahli keluarga bilik itu. Wanita, termasuk juga pelawat wanita hendaklah terus tinggal di bilik kecuali dibawa oleh ahli keluarga itu ke ruai untuk menghadiri upacara tertentu, seperti randau (berbual). Bagi rumah panjang tradisional hanya mempunyai satu bilik sahaja dan penggunaan ruang dalam bilik ini akan melibatkan seluruh ahli keluarga termasuk sebagai tempat tidur tanpa adanya pengasingan ataupun pengadang dan dinding. Tanju iaitu bahagian di hadapan rumah panjang yang tidak beratap, sebagai pelantar terbuka, dan biasanya digunakan untuk menjemur hasil pertanian. Pada masa-masa tertentu, ia digunakan untuk mengadakan upacara gawai. Sadau atau loteng adalah bahagian atas sesebuah bilik. Ia digunakan sebagai tempat menenun dan bilik tidur anak gadis dan sebahagiannya pula untuk menyimpan padi.

Rumah panjang dianggap sebagai pusat dunia dan segala kehidupan penghuni adalah berorientasi di sini. Di rumah panjang itu juga aktiviti dan upacara yang berkaitan dengan adat dari kepercayaan sering diadakan untuk mendapatkan keamanan dan kesejahteraan bagi kehidupan mereka di rumah panjang tersebut. Dalam zaman pemerintahan Rajah Brooke (1914-1941), beliau telah membawa perubahan dalam kehidupan di rumah panjang. Antara perubahan itu ialah dengan mengadakan pemungutan cukai dan menyekat perpindahan di kalangan penghuni rumah panjang.

Dasar kerajaan yang menyekat perpindahan di kalangan masyarakat Iban adalah disebabkan sistem dampa (pertanian pindah) yang banyak melibatkan penerokaan tanah baru yang dianggap sebagai satu pembaziran. Keadaan telah menjadikan corak penempatan masyarakat Iban menjadi lebih stabil dan tetap. Ini disokong pula dengan perkembangan ekonomi yang telah memperkenalkan penanaman kopi (1989) dan getah (1903) di rumah panjang. Wujudnya bandar-bandar hasil daripada kemajuan ini telah membawa masyarakat Iban bergaul dengan etnik yang lain dan mula mengenali dunia perniagaan. Sistem pendidikan mula diperkenalkan pada tahun 1960 seiring dengan tersebarnya pengaruh agama Kristian. Maka dengan adanya perubahan yang dibawa ke rumah panjang ini secara tidak langsung telah membawa kepada peningkatan dalam ekonomi dan taraf hidup penghuninya.

Namun kini, amalan dan kehidupan berumah panjang telah dianggap tidak bersesuaian dengan situasi kehidupan moden zaman ini (Kedit, 1988). Laporan Seminar Budaya Iban (1988), turut mengemukakan keburukan sistem berumah panjang ini dengan mengenalpasti 3 kelemahan utama iaitu dari segi aspek kesihatan, pendidikan dan usaha-usaha yang membawa kepada arah pembangunan oleh kerajaan. Dalam menghuraikan perubahan sistem berumah panjang di kalangan kaum Iban ini, aspek-aspek yang akan